

09/02/2001

Pelbagai pihak sambut baik persetujuan MAPA, NUPW

KUALA LUMPUR, Khamis - Kebanyakan pihak menyambut baik persetujuan antara Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) yang membolehkan pekerja ladang menikmati gaji minimum RM325 sebulan, tetapi pekerja menyifatkannya terlalu rendah.

Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengalu-alukan kejayaan rundingan antara kedua-dua pihak terbabit yang membawa kepada kemajuan yang positif ke arah mendapatkan gaji bulanan minimum untuk pekerja sektor perladangan termasuk penoreh getah.

Beliau berkata, rundingan itu memakan masa yang panjang dan sepatutnya sudah lama selesai. Bagaimanapun, beliau mengucapkan tahniah kepada NUPW di atas perjuangan mereka untuk membela nasib pekerja ladang.

"Ini turut membuktikan kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, benar-benar memperjuangkan nasib dan hak semua pekerja termasuk pekerja ladang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perjanjian yang dipersetujui bersama antara MAPA dan NUPW di Kementerian Sumber Manusia, semalam.

Gaji minimum yang dipersetujui itu adalah untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Januari lalu dan kadarnya akan dikaji semula selepas 31 Disember 2003.

Di IPOH, Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) Cawangan Perak turut menyambut baik kesediaan MAPA menetapkan gaji minimum RM325 sebulan kepada kira-kira 45,000 pekerja ladang dan kilang sawit di negara ini.

Setiausahanya, M Subramaniam, 52, berkata penetapan gaji minimum itu amat dialu-alukan kesatuan kerana impian pekerja selama ini menjadi kenyataan.

"Kami turut berterima kasih kepada Menteri Sumber Manusia, kerana berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah berkenaan yang dianggap sudah berlarutan terlalu lama," katanya.

Di ALOR STAR, beberapa pekerja Ladang Paya Kemunting (LPK) di Jitra pula bagaimanapun tidak bersetuju gaji minimum RM325 sebulan kerana ia terlalu rendah berbanding kos sara hidup yang tinggi sekarang.

Bekas Pengerusi Pekerja Ladang itu, Salven Doraisamy, 37, berkata mengikut keadaan sekarang, kadar gaji minimum pekerja ladang wajar dibayar sekurang-kurangnya RM600 sebulan.

Beliau berkata, pekerja ladang juga mempunyai banyak tanggungan, termasuk membiayai persekolahan anak dan membantu ibu bapa yang uzur.

"Gaji minimum itu tidak dapat menampung keluarga yang ramai. Jika begitu, kehidupan pekerja ladang akan terus daif," katanya.

Azmi Othman, 40, pula berkata bagi menampung perbelanjaan hidup, beliau terpaksa meminta isterinya turut menoreh getah untuk menambah pendapatan.

"Kami di ladang ini masih dibayar gaji harian RM13 sehari, tetapi jika hujan atau tidak dapat menoreh kami tidak dapat sebarang bayaran," katanya.

Azmi yang menjadi penoreh lebih 18 tahun dan mempunyai tiga anak, berkata MAPA dan NUPW tidak patut bersetuju dengan kadar gaji yang ditetapkan itu.

"Kami bekerja kuat untuk meningkatkan hasil ladang, tetapi bayaran tidak setimpal dengan tugas," katanya.

(END)

